

**TEKS UCAPAN
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
SEMPENA LARIAN HIJAU MPSP 2012
26 OGOS 2012 (AHAD)
8.00 PAGI**

Terima kasih Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa MMK Kerajaan Tempatan &
Pengurusan Lalulintas

Yang Berhormat Puan Chong Eng

Ahli Parlimen Bukit Mertajam

Yang Berhormat Tuan Tan Cheong Heng

ADUN Padang Lalang

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud

Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

En. Steven Sim Chee Keong

Ahli Majlis MPSP Merangkap Penasihat Larian Hijau MPSP 2012

Y.Bhg. Ahli Majlis - Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Para Penaja

Rakan-Rakan Media

Ketua-ketua Jabatan, Staf-staf MPSP

Tuan-Tuan & Puan-Puan yang saya hormati sekalian,

.....

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

Pertama sekali saya mengucapkan selamat datang ke upacara penutup dan majlis penyampaian hadiah Larian Hijau MPSP 2012. Ucapan ribuan terima kasih juga kepada YB Chow dan YB Chong Eng kerana sudi hadir pada pagi ini. Selain itu, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada para penaja yang menajakan pelbagai hadiah untuk cabutan bertuah bagi program pada pagi ini.

Saya amat berbesar hati dan bangga kerana MPSP dengan kerjasama *Penang Adventure Club (PAC) & Penang Amateur Athletic Association*

(PAAA) dapat menganjurkan acara ini yang julung kali diadakan dengan jayanya. Larian ini merupakan acara larian yang terbesar dengan jarak terpanjang yang pernah diadakan di bahagian Seberang Perai. Untuk sekian lama, kebanyakan aktiviti sukan dan riadah hanya diadakan di bahagian Pulau sahaja dan apabila saya dimaklumkan oleh En. Steven Sim mengenai cadangan mengadakan program ini di kawasan naungan Majlis Perbandaran Seberang Perai, sokongan penuh diberikan bagi menjayakan program ini.

Tema larian iaitu “Larian Hijau MPSP 2012” juga amat selari dengan moto negeri Pulau Pinang, iaitu *Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang* juga moto MPSP iaitu “*Sustainability Is Our Commitment*”. MPSP komited dengan aktiviti sukan dan rekreasi dimana kita telah pun menubuhkan pasukan bola sepak dari PESUKA. Selain itu, kita juga telah menubuhkan pasukan berbasikal “Green Ride MPSP”, dimana laluan basikal sepanjang 200km untuk laluan di SPU, SPT dan SPS. Selain itu, MPSP juga mengadakan senamrobik bersama komuniti. Kami di MPSP ingin memperkenalkan dan memperkembangkan aktiviti sukan dan riadah yang membawa manfaat dan berharap dengan menganjurkan aktiviti seperti Larian Hijau ini akan dapat meningkatkan tahap kesihatan dan kecergasan fizikal penduduk di Seberang Perai. Selain itu, dengan mengadakan program ini di sekitar kawasan Bukit Mertajam, ia juga dapat memperkenalkan kawasan persekitaran di sini

sebagai satu tempat yang amat bersesuaian untuk aktiviti larian dan aktiviti riadah yang lain.

Saya amat gembira bahawa usaha ini menerima sokongan padu daripada semua kerana hampir 1000 peserta telah mendaftar dalam larian pada hari ini. Kebanyakan peserta berani mengambil cabaran dengan menyertai 21km *half-marathon* dan ramai juga yang bersama kita pada hari ini dalam acara *fun run*. Kami juga berasa bangga kerana menerima peserta dari luar negara termasuk Amerika Syarikat, Great Britain, Jepun, China dan Kenya. Selain daripada itu, kami telah menaja hampir 100 pelari fun run daripada Rumah Anak Yatim, JKKK Seberang Perai dan Kelab Sukan MPSP.

Dalam usaha menganjurkan Larian Hijau 2012, MPSP juga amat berterima kasih kepada para penaja, yang telah memberikan sokongan penuh mereka dalam program ini. Di antara adalah:

No.	Sponsors	Sponsorship Items
1	Bm City Reality & Construction Sdn Bhd	Running Vest/VIP T-shirt
2	Yeo's Sprakling H-TWO-O Isotonic drink	Official drink
3	Wah Lee Chain Store Sdn Bhd	Lucky Draw (electrical goods)
4	TG Ocean Health Food Industries	Goodies (Oat King)

	Sdn. Bhd.	
5	Global Megajasa Sdn Bhd	21KM Finishing medal
6	VSD Mitthas Sdn Bhd	Lucky Draw (iPod Shuffles)
7	Official Lifestyle Privilege Card	Lucky Draw (Holiday tours package)
8	Cape Technology Sdn Bhd	Fun Run T-shirt
9	Key Power 2XU	Winner prizes and goodies vouchers
10	Grocer Store	Online Registration Service

Selain itu, MPSP ingin merakamkan penghargaan kepada jawatankuasa penganjur dan sukarelawan yang terdiri daripada kumpulan pelari, pelumba basikal, ahli-ahli PAC, serta PAAA. Tidak dilupakan khidmat daripada pasukan pengakap dan Bulan Sabit Merah yang turut menjayakan program pada hari ini.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua pemenang pada hari ini, dan juga kepada semua yang telah mengambil bahagian. Walaupun tidak semua orang yang dapat naik ke pentas untuk menerima hadiah, namun dengan hanya mengambil bahagian pada hari ini, anda semua merupakan “WINNERS”.

Ucapan terima kasih kepada ahli jawatankuasa yang diketuai oleh En. Steven Sim, PAC, PAAA dan semua kakitangan MPSP yang bertungkus lumus untuk memastikan program pada hari ini berjalan lancar. Setelah

mendapat sorokan kuat daripada peserta, saya berharap acara ini boleh dijadikan sebagai acara tahunan dalam kalendar Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan YB Lydia juga telah bersetuju menjadikan program ini sebagai acara tahunan dalam kalender Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Dengan itu, saya sudahi dengan Wabillah Hitaufik Walhidayah Wassalamualaikum wbth. Sekian, terima kasih.